

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIK FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheik Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha Kementerian dalam membasmi kes peminta sedekah yang melibatkan kanak-kanak dan orang tua yang cuba dimanipulasi oleh sesebuah pihak dan berapakah jumlah kes yang telah dikenal pasti dan diselesaikan.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab untuk menyelamat dan memulihkan orang papa (pengemis dan peleser) selaras dengan peruntukan Akta Orang-Orang Papa 1977.

Dalam tempoh 2013 sehingga September 2014, sebanyak 3,414 operasi menyelamat orang papa telah dijalankan dan seramai 1,055 orang telah diselamatkan. Dari jumlah tersebut, seramai 186 adalah kanak-kanak dan 615 orang warga emas.

Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa dalam operasi menyelamat bersepadu yang dijalankan, pihak JKM tidak menemui kes-kes di mana golongan kanak-kanak dan orang tua dimanipulasikan oleh pihak tertentu bagi tujuan mencari rezeki melalui meminta sedekah.